

Oleh Khairunnisa Kamarudin
nisa_kamarudin@bh.com.my

► Bangi

Penyertaan sulung USIM buahkan hasil

Penyertaan sulung Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Universiti Malaysia 2015 (MASUM), baru-baru ini, berjaya membuahkan hasil apabila meraih masing-masing satu pingat emas, perak dan gangsa.

Kejohanan tiga hari diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu turut menyaksikan USIM menduduki tangga keenam daripada keseluruhan 20 universiti awam (UA) yang menyertai kejohanan itu.

Pingat emas diraih menerusi Mustafe Rashid Ali dalam acara 5,000 meter (m), yang turut menyumbang gangsa menerusi acara 1,500m.

Ahmad Miqdad Mohd Abidin pula mengahdiahkan pingat perak menerusi acara 800m. USIM yang menghantar 12 atlet turut mara ke peringkat akhir dalam acara 400m, 4 x 100m dan 4 x 400m.

Bukti potensi

EXCO Sukan dan Pembangunan Belia, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM,

Muhammad Nor Amin Jamaluddin, berkata atlet USIM berjaya membuktikan potensi mereka untuk bersaing dengan atlet berpengalaman universiti lain dalam acara olahraga.

"Kami selaku ahli MPP amat berbangga dengan pencapaian pasukan

olahraga USIM kerana pelbagai inisiatif sudah dilakukan bagi menaikkan pencapaian sukan universiti, terutama olahraga.

"Antaranya penganjuran Kejohanan Balapan USIM

pada Mac lalu, bertujuan mencungkil bakat baharu peringkat akar umbi dan kami berharap pasukan olahraga akan terus melakar kejayaan, sekali gus mengharumkan nama USIM pada peringkat nasional," katanya.



Barisan atlet olahraga USIM.



Ahmad Miqdad (kiri) dan Mustafe bersama-sama pingat yang dimenangi.